

20/07/2005

BALAS CAKAP DR MAHATHIR/ RAFIDAH BUKAN PERBALAHAN - MUKHRIZ

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Balas cakap antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mengenai isu Permit Import (AP) tidak harus dilihat sebagai satu perbalahan atau pertelingkahan antara dua personaliti, kata anak bekas Perdana Menteri itu Datuk Mukhriz Mahathir hari ini.

"Saya tidak melihatnya sebagai satu perbalahan...ia juga bukan satu pertelingkahan personaliti. Bagi saya ia merupakan satu pendapat berterus terang secara profesional oleh Tun (Dr Mahathir) mengenai kedudukan kereta nasional," katanya pada waktu rehat perhimpunan agung Pergerakan Pemuda Umno di sini.

Mukhriz diminta mengulas kontroversi pengeluaran AP yang dibangkitkan Dr Mahathir dua minggu lepas.

Katanya sebagai penasihat Proton, tentunya Dr Mahathir mahu melindungi kereta nasional itu, dan apa yang dikatakannya mengenai AP itu adalah semata-mata satu pandangan profesional.

Mengenai pendedahan senarai nama pemegang AP dan penerimanya oleh kerajaan, Mukhriz berkata ia merupakan tindakan yang wajar dalam membuktikan ketelusan kerajaan.

"Bagaimanapun maklum balas yang saya terima menunjukkan orang ramai masih tidak jelas mengenai proses pemberian AP dan mungkin proses pengagihan itu perlu dikaji semula," katanya.

-- BERNAMA  
AKT RAR RON